



19 FEB, 2026

Bantu 128 syarikat tembusi pasaran UK melalui GLOBEX

Harian Metro, Malaysia

Bantu 128 syarikat tembusi pasaran UK melalui GLOBEX

Kuala Lumpur: Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) menyasarkan untuk memperkasa 128 syarikat usahawan agromakanan tempatan bagi menembusi pasaran United Kingdom (UK) melalui pelaksanaan Program Global Export (GLOBEX) sepanjang tahun ini.

Pengerusinya, Aminuddin Zulkipli berkata, FAMA akan menjemput se-

ramai mungkin syarikat GLOBEX yang memberi fokus khusus kepada pasaran UK, selari dengan permintaan tinggi terhadap produk halal Malaysia.

"Program ini bukan sekadar pendedahan, sebaliknya platform pemerkasaan menyeluruh termasuk strategi eksport, pengurusan kewangan, risiko mata wang dan pepadanan perdani dengan rakan niaga," katanya ke-

pada media selepas merasmikan Kursus Pemerkasaan Eksport & Keusahawanan Global Siri 1: GLOBEX United Kingdom di sini, baru-baru ini.

Menurutnya, setakat ini, melalui kerjasama FAMA bersama Export Management Company (EMC), 32 usahawan tempatan membabitkan 244 unit simpanan stok (SKU) produk berjaya menembusi pasaran

UK, termasuk produk jenama Agromas yang kini dipasarkan di Halal Oriental Market Queensway.

Dalam usaha menyokong ekosistem eksport halal, Maybank Islamic turut tampil sebagai rakan strategik dengan menyediakan solusi kewangan dan bukan kewangan, termasuk kemudahan Halal Facilitation tanpa kos bagi membantu usahawan mendapatkan

pensijilan halal dan meningkatkan kesiapsiagaan eksport.

Selain itu, Salaam Market turut diperkenalkan sebagai platform digital perniagaan ke perniagaan (B2B) halal yang menghubungkan pembeli dan penjual dalam ekosistem perdagangan diyakini, sekali gus memperluas akses pasaran tempatan dan antarabangsa.



19 FEB, 2026

Bantu 128 syarikat tembusi pasaran UK melalui GLOBEX

Harian Metro, Malaysia

SUMMARIES

Kuala Lumpur: Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) menasarkankan untuk memperkasa 128 syarikat usahawan agromakanan tempatan bagi menembusi pasaran United Kingdom (UK) melalui pelaksanaan Program Global Export (GLOBEX) sepanjang tahun ini. Pengerusnya, Aminuddin Zulkipli berkata, FAMA akan menjemput se-ramai mungkin syarikat berpotensi menyertai inisiatif berkenaan dengan empat siri GLOBEX dirancang sepanjang tahun ini bermula pada suku pertama 2025 sebagai persediaan rapi ke pasaran antarabangsa.